



**TEKS UCAPAN
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

YB RINA MOHD HARUN

**PROGRAM MENYANTUNI TRANSFORMASI LUAR BANDAR
(ANJURAN PERSATUAN MUSLIMAH JOHOR)**

SPORTS PRIMA PANDAN, JOHOR

11 OGOS 2018 (SABTU)

11:30 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera, Sayangi Malaysiaku

**(SALUTATION LIST AKAN DIEDARKAN KEMUDIAN DAN DILETAKKAN ATAS
ROSTRUM)**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin hadirat yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua telah mengizinkan saya bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis yang penuh bermakna ini sempena Program Menyantuni Transformasi Luar Bandar.

2. Saya amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Usahawan Muslimah Johor kerana menjemput saya ke majlis ini, seterusnya memberi saya peluang untuk berinteraksi dengan tuan-tuan dan puan-puan secara langsung.

3. Sekalung tahniah kepada Persatuan Usahawan Muslimah Johor atas inisiatif menganjurkan program pada pagi ini yang bertujuan menyatukan jalinan ukhwah di antara masyarakat luar bandar khususnya kaum wanita, belia dan peniaga-peniaga. Disamping itu, melalui program seumpama ini dapat dijadikan platform kepada masyarakat luar bandar untuk beramah mesra selain mempamerkan bakat dan kemahiran mereka. Program seumpama ini juga dapat menggalakan cara hidup yang sihat melalui aktiviti kesukanan, kesenian, pemotoran dan peniagaan selain dari merapatkan hubungan kemesraan pemimpin dan masyarakat.

Para hadirin sekalian

4. Inisiatif Persatuan Usahawan Muslimah Johor menganjurkan program seumpama ini harus dipuji kerana ianya memberikan peluang kepada anak-anak luar bandar untuk menambahbaik kemahiran serta kebolehan mereka secara positif. Ia juga boleh menjadi platform kepada ahli persatuan untuk mendapatkan bantuan serta mempelajari peluang kemahiran melalui pelbagai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Saya percaya program sebegini juga memberi ruang dan galakan kepada ahli-ahli persatuan untuk terus

berkecimpung dalam bidang perniagaan melalui bengkel dan kursus kemahiran.

5. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sentiasa berusaha untuk terus meningkatkan penyertaan wanita dalam program-program keusahawanan dan perniagaan. Kita mahu melihat kaum wanita terbabit secara menyerlah dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Agensi di bawah kementerian iaitu MARA, telah melahirkan lebih sejuta usahawan dalam pelbagai bidang sejak MARA ditubuhkan pada tahun 1966. Ini merangkumi penyediaan pelbagai program latihan untuk melahirkan usahawan baru, memperhebatkan usahawan sedia ada dan memperkasakan usahawan yang mempunyai potensi untuk melebarkan perniagaan keluar negara.
6. MARA juga menyediakan bentuk kemudahan pembiayaan perniagaan dari nilai RM10 ribu sehingga maksimum RM5 juta bagi mengembangkan perniagaan seperti Skim Pembiayaan PUTRA, Skim Pembiayaan Mudah jaya, Skim Pembiayaan Kontrak Ekspress, Program Rantain Nilai Industri, Program Baron dan juga Skim Pembiayaan Khas untuk usahawan wanita iaitu DanaNITA. Ini tidak termasuk 7 ribu ruang niaga di kawasan industri bagi membolehkan mereka menjana pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Para hadirin sekalian

7. Menyedari akan keperluan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawan dan perniagaan, maka kementerian melalui MARA telah dua minggu

lepas melancarkan satu program khusus bagi pembangunan usahawan wanita iaitu “Program Wanita Inspirasi Ekonomi WISE”. Kementerian saya telah memperuntukan sebanyak 5 juta bagi tujuan memperkasakan usahawan wanita melalui program latihan dan bimbingan. Kita telah menasarkankan seramai lebih 5 ribu usahawan wanita akan menerima manfaat daripada peruntukan yang kita salurkan ini.

8. Skim pembiayaan khas untuk golongan wanita iaitu DanaNITA turut memperuntukan sebanyak 20juta yang akan memberikan manfaat kepada lebih 400 usahawan wanita di seluruh negara. DanaNITA memberi keistimewaan kepada usahawan wanita dengan memberi pengecualiaan beberapa syarat asas yang dikenakan dalam skim pembiayaan yang lain sebelum ini. Melalui DanaNITA, usahawan wanita tidak perlu menduduki ujian psikometrik bagi menilai tahap kecenderungan seseorang itu untuk berniaga. Selain itu juga, usahawan DanaNITA boleh berniaga secara online atau beroperasi dari rumah.
9. Adalah menjadi harapan saya agar ahli-ahli Persatuan Usahawan Muslimah Johor dapat mengambil kesempatan daripada program-program yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar termasuk WISE dan DanaNITA untuk mengembangkan sektor perniagaan mereka. Semua pihak perlu mengembeling tenaga dan idea untuk kita sama-sama membawa perubahan secara bersepadu dan komprehensif bagi mengekang apa jua ancaman atau persekitaran yang kian mencabar. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengingatkan para usahawan wanita khususnya agar membina keupayaan melalui

konsep usahawan bantu usahawan. Kita perlu sedar untuk terus kompetitif, kita tidak boleh lagi bergerak secara bersendirian. Disebabkan itu, para usahawan wanita perlu memahami betapa pendekatan bamboo network boleh diguna pakai dalam meningkatkan daya saing dan keupayaan komuniti usahawan wanita.

Para hadirin sekalian

10. Di kesempatan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Persatuan Usahawan Muslimah Johor atas kejayaan menganjurkan program Menyantuni Transformasi Luar Bandar. Saya berharap peserta-peserta program ini dapat memanfaatkan peluang yang telah diberikan pada hari ini untuk meningkatkan pengetahuan anda tentang bidang keusahawanan dan seterusnya mengembangkan bidang perniagaan.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Program Menyantuni Transformasi Luar Bandar.

Sekian, terima kasih.